

**PENILAIAN PETANDA ARAS KUALITI KURSUS KPLI DAN KDPM:
KEBERKESANAN KURSUS DAN KEPUASAN PELATIH**

oleh
Toh Wah Seng

ABSTRAK

Kajian ini menilai beberapa petanda aras kualiti yang terkandung dalam dokumen kualiti MS ISO 9001:2000 tentang keberkesanan latihan dalam program KPLI dan KDPM serta kepuasan pelanggan proses (peserta program) tentang program dan perkhidmatan sokongan yang terdapat dalam maktab. Seramai 108 peserta kajian dipilih secara rawak berstrata mengikut jenis kursus, iaitu KPLI dan KDPM. Penemuan menunjukkan majoriti peserta mempersepsikan maktab telah berkesan melatih mereka dalam kebanyakan aspek latihan. Namun begitu, peratusan yang memihak kepada persepsi ini bagi kebanyakan aspek latihan masih belum mencapai petanda aras kualiti yang ditetapkan dalam dokumen kualiti MS ISO 9001:2000. Aspek-aspek yang mencapai petanda aras ada kaitan rapat dengan komponen program yang memberi perkhidmatan latihan dalam mata pelajaran pengkhususan. Dari segi kepuasan peserta, data juga memihak kepada komponen latihan dalam mata pelajaran pengkhususan. Berdasarkan penemuan-penemuan yang dibincangkan dalam kertas kerja ini, beberapa cadangan dikemukakan.

PENGENALAN

Dokumen Manual Kualiti MS ISO 9001:2000 menetapkan beberapa kriteria kualiti yang merupakan petanda aras bagi operasi maktab. Antaranya ialah bahawa 80% daripada pelanggan maktab berpuas dengan produk (guru permulaan) maktab, dan 75% daripada peserta kursus mendapati latihan pengajaran dan pembelajaran, latihan kokurikulum dan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berkesan. Kajian ini telah dijalankan untuk menilai program KDPM dan KPLI dan ia berfokus kepada keberkesanan program dalam menyediakan mereka untuk mengajar di sekolah serta kepuasan mereka terhadap program dan maktab. Tinjauan perspektif pelanggan proses, iaitu pelatih-pelatih program tersebut telah dibuat pada Oktober 2003. Peserta kajian merupakan mereka yang sedang menamati kursus dan akan bertugas sebagai guru permulaan di sekolah pada awal tahun 2004. Seramai 108 peserta kursus telah dipilih secara rawak untuk menyertai kajian ini.

Tujuan dan Skop Penilaian

Tujuan penilaian adalah untuk meninjau tentang keberkesana program KDPM dan KPLI dalam menyediakan peserta kursus sebagai guru permulaan untuk mengajar di sekolah, serta kepuasan mereka terhadap latihan dan perkhidmatan sokongan yang disediakan di Maktab Perguruan Batu Lintang. Penilaian adalah berpandukan pada beberapa kriteria kualiti atau petanda aras seperti terkandung dalam dokumen MS ISO 9001:2000. Tiga soalan utama dikemukakan untuk meninjau persepsi peserta kursus tentang keberkesanan kursus dan kepuasan mereka terhadap kursus. Soalan-soalan adalah seperti berikut:

1. Sejauh manakah kursus yang diikuti oleh pelatih berkesan
 - a. menyediakan mereka dengan kebolehan, kemahiran, kemampuan dan sifat-sifat keguruan sebagai guru permulaan?
 - b. melatih mereka dalam kemahiran-kemahiran pengajaran dan pembelajaran?
 - c. melatih mereka dalam kemahiran-kemahiran mengendalikan aktiviti kokurikulum?
2. Sejauh manakah pelatih merasa puas dengan latihan dan perkhidmatan sokongan di maktab?
3. Adakah keberkesanan program dan kepuasan pelanggan proses mencapai petanda aras yang ditetapkan?

Skop kajian adalah terhad kepada item-item seperti dalam instrumen. Kebanyakan item adalah daripada instrumen Soal Selidik Kepuasan Pelanggan (SSKP) seperti dalam dokumen MS ISO 9001:2000 (LAM-PUP04-05). Dokumen kualiti berkenaan berfokus pada maklumbalas pelanggan produk (pihak sekolah) dan bukan pada pelanggan proses (peserta kursus). Untuk kajian ini sasaran responden adalah pelanggan proses dan bukan pelanggan produk.

METODOLOGI

Kaedah tinjauan digunakan untuk mengumpul data daripada peserta kajian. Satu sampel rawak seramai 108 pelatih telah dipilih sebagai peserta kajian. Untuk memastikan setiap pengkhususan diwakili dalam sampel, kaedah "stratified random sampling" digunakan, di mana 30% daripada jumlah pelatih setiap pengkhususan dipilih secara rawak. Sampel ini terdiri daripada 58 orang pelatih KPLI dan 50 orang pelatih KDPM. Dari segi jantina, 28 orang pelatih adalah lelaki dan 80 orang pelatih perempuan.

Item-item dalam soal selidik boleh dibahagikan kepada empat komponen seperti dalam Jadual 1. Item-item dalam komponen I, II dan III adalah item-item yang diambil daripada instrumen SSKP sedangkan item-item dalam komponen IV adalah rekaan pengkaji.

Jadual 1. Komponen, bilangan dan nombor item dalam soal selidik

Komponen	Bilangan Item	No. Item
Komponen I: Latihan sebagai guru permulaan	10	1a hingga 1j
Komponen II: Latihan pengajaran & pembelajaran	13	2a hingga 2m
Komponen III: Latihan kokurikulum	5	3a hingga 3e
Komponen IV: Kepuasan pelatih	9	4a hingga 4i
Jumlah item	37	

Item-item berkenaan adalah seperti dalam jadual-jadual keputusan kajian. Pengukur yang digunakan ialah skala Likert yang mengandungi lima mata iaitu, daripada sangat tidak berkesan / puas (1 mata), tidak berkesan / puas (2 mata), sederhana (3 mata), berkesan / puas (4 mata), dan sangat berkesan / puas (5 mata).

Satu petanda aras kualiti ditetapkan bagi setiap item yang berkaitan. Mengikut skala lima-mata yang digunakan, mata 4 adalah petanda aras yang sesuai digunakan. Untuk memudahkan analisis, skala diubahsuaikan supaya menjadi hanya dua kategori, iaitu kategori pertama ialah kategori respons negatif dan kategori kedua ialah kategori respons positif. Kategori pertama terdiri daripada mata 1, 2, dan 3 sedangkan kategori kedua terdiri daripada mata 4 dan 5. Taburan diperiksa mengikut frekuensi dan peratusan. Ujian "chi-square" digunakan untuk menyiasat hipotesis tentang taburan ini.

Untuk menilai petanda aras berkaitan dengan kualiti program beberapa hipotesis disiasat untuk mengenalpasti sejauh manakah aspek-aspek program mencapai petanda aras yang berkaitan. Hipotesis-hipotesis tersebut adalah seperti berikut:

1. Sekurang-kurangnya 80% daripada peserta mempersepsikan latihan telah berkesan menyediakan mereka dengan kebolehan, kemahiran, kemampuan, serta sifat-sifat keguruan sebagai guru permulaan.
2. Sekurang-kurangnya 75% daripada peserta mempersepsikan latihan telah berkesan melatih mereka dengan kemahiran-kemahiran pengajaran dan pembelajaran, dan aktiviti kokurikulum.
3. Sekurang-kurangnya 75% daripada peserta merasa puas dengan latihan, kemudahan dan perkhidmatan maktab.

4. Persepsi peserta tidak dipengaruhi oleh jenis kursus dan jantina mereka.

Ujian “chi-square” satu sampel digunakan untuk menyiasat hipotesis pertama, kedua dan ketiga dan ujian “chi-square” dua sampel digunakan untuk menyiasat sama ada persepsi peserta dipengaruhi oleh jenis kursus dan jantina mereka atau pun persepsi mereka konsisten merentasi kedua-dua pembolehubah ini.

KEPUTUSAN DAN PENEMUAN

1. **Keberkesanan latihan menyediakan pelatih dengan kebolehan, kemahiran, kemampuan dan sifat-sifat keguruan sebagai guru permulaan.**

Jadual 2 menunjukkan taburan respons mengikut kategori respons, dan nilai-nilai “chi-square” bagi ujian-ujian hipotesis untuk item-item dalam Komponen I. Komponen ini adalah berkaitan dengan soalan sejauh manakah latihan telah menyediakan mereka dengan kemampuan, kemahiran, kebolehan dan sifat-sifat keguruan sebagai guru permulaan. Jadual ini menunjukkan bahawa kesemua item mencapai peratusan respons positif yang melebihi 50% dan ini boleh ditaksirkan sebagai satu petanda yang baik kepada pihak maktab. Walau bagaimanapun, ujian “chi-square” satu sampel untuk hipotesis bahawa 80% peserta memberi respons yang positif menunjukkan bahawa hanya empat perkara (item 1b, 1g, 1i dan 1j) mencapai tahap ini. Bagi perkara-perkara lain, kriteria kualiti 80% tidak tercapai walaupun peratusan respons positif adalah lebih tinggi daripada peratusan respons negatif. Item 1b mempunyai peratusan respons positif yang paling tinggi, iaitu 82.6% daripada sampel, dan ini diikuti oleh item 1i (80.7%), 1j (76.1%), dan 1g (75.2%).

Keputusan ini menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya 80% peserta kajian mempersepsikan kursus berkesan menyediakan mereka untuk mengajar pengkhususan, personaliti yang sesuai dengan profesion keguruan, sifat yang terbuka, serta membolehkan mereka membuat penilaian sendiri. Tetapi persepsi tentang keberkesanan lain-lain aspek tidak mencapai kriteria 80%. Walaupun peratusan sampel bagi item-item ini melebihi 50%, dua item yang mempunyai peratusan respons positif yang paling rendah ialah item 1e (kemampuan menunjukkan daya pemikiran yang kritis) dan 1f (kemampuan menunjukkan daya pemikiran yang kreatif).

Keputusan Ujian “chi-square” dua sampel menunjukkan peserta KPLI dan peserta KDPM berbeza persepsi dalam satu item sahaja, iaitu item 1b di mana lebih ramai peserta KDPM mempersepsikan latihan telah berkesan menyediakan mereka untuk mengajar mata pelajaran pengkhususan berbanding dengan persepsi peserta KPLI. Untuk item-item lain, tiada perbezaan persepsi antara kedua-dua kumpulan ini dapat dikesan.

Jadual 2. Taburan Peratusan Respons Mengikut Kategori Respons dan Nilai Chi-Square bagi Item-item Komponen I (N = 108)

No. Item	Perkara	Res Negatif (%)	Res Positif (%)	χ^2_1 ($p=0.80$) N=108	χ^2_2 ($p1=p2$) KPLI=58 KDPM=50	χ^2_3 ($p1=p2$) Lelaki=28 Perem=80
1a	Kebolehan mencari ilmu untuk melaksanakan tugas di sekolah	31.2	68.8	8.534**	2.227	1.910
1b	Kemahiran mengajar mata pelajaran pengkhususan	17.4	82.6	0.450	5.709*	1.235
1c	Kemampuan mengamalkan nilai-nilai murni dalam tugas harian	31.2	68.8	8.534**	0.339	2.031
1d	Kemampuan menunjukkan daya ketahanan diri dalam menghadapi pelbagai situasi	30.3	69.7	7.193**	2.997	0.705
1e	Kemampuan menunjukkan daya pemikiran yang kritis	44.0	56.0	39.360***	0.000	5.213*
1f	Kemampuan menunjukkan daya pemikiran yang kreatif	41.3	58.7	30.862***	0.847	0.205
1g	Personaliti yang sesuai dengan profesion keguruan	24.8	75.2	1.550	1.356	0.168
1h	Sikap keberanian untuk mencuba idea baru	31.2	68.8	8.534**	0.028	0.239
1i	Sifat yang terbuka dalam melaksanakan tugas	19.3	80.7	0.037	1.331	0.051
1j	Kebolehan melaksanakan penilaian sendiri untuk penambahbaikan mutu kerja	23.9	76.1	1.011	1.922	0.002

Nota

χ^2_1 Nilai chi-square untuk ujian hipotesis peratusan respons positif = 80%, iaitu $H_0 : P_0 = 0.80$, di mana P_0 ialah peratusan respons positif.

χ^2_2 Nilai chi-square untuk ujian hipotesis tiada perbezaan persepsi antara peserta KPLI dan KDPM

χ^2_3 Nilai chi-square untuk ujian hipotesis tiada perbezaan persepsi antara peserta lelaki dan perempuan

* $0.01 \leq \text{Nilai- } p \leq 0.05$

** $0.001 \leq \text{Nilai- } p \leq 0.01$

*** Nilai - $p \leq 0.001$

Keputusan juga menunjukkan terdapat perbezaan persepsi antara lelaki dan perempuan bagi hanya satu item, iaitu item 1e. Lebih ramai peserta perempuan mempersepsikan latihan berkesan menyediakan mereka dengan kemampuan menunjukkan daya pemikiran yang kritis jika dibandingkan dengan peserta lelaki. Tetapi tidak ada perbezaan dikesan untuk item-item lain.

2. Keberkesanan latihan kemahiran pengajaran dan pembelajaran

Jadual 3 menunjukkan taburan respons mengikut kategori respons, dan nilai-nilai "chi- Square" bagi ujian-ujian hipotesis untuk item-item dalam Komponen II. Keputusan menunjukkan peratusan respons bagi semua item melebihi 50% tetapi hanya empat item, iaitu item 2a, 2d, 2f dan 2g mencapai peratusan respons positif pada tahap 75%, iaitu petanda aras bagi komponen ini. Item-item lain tidak mencapai kriteria ini. Ini boleh ditaksirkan bahawa sekurang-kurangnya 75% daripada mereka mempersepsikan kursus telah berkesan melatih mereka merancang pengajaran harian, menggunakan pelbagai bahan sumber untuk pengajaran dan pembelajaran (p&p), menggunakan pelbagai kaedah dalam p&p, dan menerapkan nilai murni dalam p&p. Dua item yang mempunyai peratusan respons positif yang rendah adalah item 2b (mencerakinkan sukatan pelajaran) dan 2k (mewujudkan unsur kecintaan dalam p&p).

Keputusan juga menunjukkan bahawa persepsi peserta KPLI tidak berbeza dengan persepsi peserta KDPM. Mereka hanya berbeza dalam satu item, iaitu item 2f (menggunakan pelbagai kaedah dalam p&p). Untuk item ini lebih ramai peserta KPLI mempersepsikan latihan telah berkesan membolehkan mereka mengguna pelbagai kaedah dalam p&p. Data juga menunjukkan bahawa persepsi peserta adalah konsisten dari segi pengaruh jantina. Tiada perbezaan persepsi antara peserta lelaki dan perempuan dapat dikesan bagi semua item.

Jadual 3. Taburan Peratusan Respons Mengikut Kategori Respons dan Nilai Chi-Square bagi Item-item Komponen II (N = 108)

No. Item	Perkara	Res Negatif (%)	Res Positif (%)	χ^2_1 ($p_r=0.75$) N=108	χ^2_2 ($p1=p2$) KPLI=58 KDPM=50	χ^2_3 ($p1=p2$) Lelaki=28 Perem=80
2a	Merancang pengajaran Harian	15.6	84.4 ¹	5.141*	0.179	0.098
2b	Mencerakinkan sukatan Pelajaran	45.9	54.1	25.234***	3.816	0.321
2c	Menyampaikan isi pelajaran Mengikut kebolehan pelajar	35.8	64.2	6.755**	0.127	0.387
2d	Menggunakan pelbagai bahan sumber dalam p&p	31.2	68.8	2.229	1.160	0.000
2e	Mengesan prestasi murid Secara berterusan	39.4	60.6	12.138***	1.148	1.289
2f	Menggunakan pelbagai Kaedah dalam p&p	22.9	77.1	0.248	4.294*	0.483
2g	Menerapkan nilai murni dalam p&p	27.5	72.5	0.270	3.328	0.000
2h	Mengamalkan unsur-unsur kesepaduan dalam p&p	38.5	61.5	10.645**	0.011	0.661
2i	Memotivasikan murid semasa p&p	35.8	64.2	6.755**	0.198	0.387
2j	Menggalakkan kemahiran Berfikir dalam p&p	33.9	66.1	4.651*	0.156	0.005
2k	Mewujudkan unsur Kecindahan dalam p&p	45.9	54.1	23.901***	0.071	0.096
2l	Mengawal disiplin murid semasa mengajar	39.4	60.6	11.111**	0.379	0.724
2m	Mengamalkan kemahiran berkomunikasi dalam p&p	21.1	78.9	1.235	2.329	2.173

84.4¹ Peratusan respons positif melebihi 80%

χ^2_1 Nilai chi-square untuk ujian hipotesis peratusan positif = 75%

χ^2_2 Nilai chi-square untuk ujian hipotesis tiada perbezaan peratusan antara peserta KPLI dan KDPM

χ^2_3 Nilai chi-square untuk ujian hipotesis tiada perbezaan peratusan antara peserta lelaki dan perempuan

* $0.01 \leq \text{Nilai- } p \leq 0.05$

** $0.001 \leq \text{Nilai- } p \leq 0.01$

*** Nilai - $p \leq 0.001$

3. Keberkesanan latihan aktiviti kokurikulum

Jadual 4 menunjukkan taburan respons mengikut peratusan dan nilai-nilai chi square bagi item-item dalam komponen keberkesanan latihan kokurikulum (Komponen III).

Jadual 4. Taburan Peratusan Respons Mengikut Kategori Respons dan Nilai Chi-Square bagi Item-item Komponen III (N = 108)

No. Item	Perkara	Res Negatif (%)	Res Positif (%)	χ^2_1 ($p=0.75$) N=108	χ^2_2 ($p1=p2$) KPLI=58 KDPM=50	χ^2_3 ($p1=p2$) Lelaki=28 Perem=80
3a	Merancang aktiviti kokurikulum bagi sepanjang tahun	66.0	34.0	95.605***	0.211	1.241
3b	Melaksanakan kemahiran asas dalam aktiviti kokurikulum	40.4	59.6	12.642***	1.314	0.004
3c	Melatih murid dalam sesuatu acara kokurikulum	42.2	57.8	16.000***	9.402**	1.411
3d	Mengelolakan pertandingan Kokurikulum	56.0	54.0	53.778***	3.443	0.473
3e	Menjalankan tugas sebagai pengadil dalam aktiviti kokurikulum	63.3	36.7	83.012***	4.798*	0.549

χ^2_1 Nilai chi-square untuk ujian hipotesis peratusan respons positif = 0.75

χ^2_2 Nilai chi-square untuk ujian hipotesis tiada perbezaan peratusan antara peserta KPLI dan KDPM

χ^2_3 Nilai chi-square untuk ujian hipotesis tiada perbezaan peratusan antara peserta lelaki dan perempuan

* $0.01 \leq \text{Nilai- } p \leq 0.05$

** $0.001 \leq \text{Nilai- } p \leq 0.01$

*** Nilai - $p \leq 0.001$

Data menunjukkan bahawa peratusan respons positif yang melebihi 50% adalah untuk tiga item sahaja dan peratusan ini juga agak rendah, iaitu 59.6% bagi item 3b, 57.8% bagi item 3c, dan 54% bagi item 3d. Item 3a dan item 3e mencapai kurang daripada 50% respons positif. Penemuan ini juga menunjukkan bahawa peratusan pelatih yang mempersepsikan latihan aktiviti kokurikulum sebagai berkesan tidak mencapai kriteria 75% bagi semua item. Ujian chi-square juga menunjukkan bahawa persepsi antara peserta KPLI dan KDPM berbeza untuk 2 item, iaitu item 3c dan 3e. Peratusan peserta KDPM yang mempersepsikan latihan kokurikulum berkesan membolehkan mereka melatih murid dalam satu acara kokurikulum adalah lebih tinggi berbanding dengan peratusan bagi peserta KPLI. Ini juga dikesan bagi item 3e, iaitu menjalankan tugas sebagai pengadil dalam aktiviti kokurikulum. Perbezaan persepsi ini mungkin disebabkan tempoh latihan kokurikulum program KDPM adalah lebih panjang. Pembolehubah jantina tidak mempunyai kesan ke atas persepsi peserta.

4. Kepuasan pelatih tentang latihan/perkhidmatan/kemudahan maktab

Jadual 5 mempamerkan taburan peratusan respons mengikut kategori respons, nilai-nilai "chi square" bagi item-item yang berkaitan dengan kepuasan pelatih (Komponen IV).

Keputusan menunjukkan terdapat lima item di mana peratusan respons positif melebihi 50% sedangkan empat item tidak mencapai peratusan ini. Daripada lima item yang mencapai peratusan 50%, hanya tiga item mencapai peratusan respons positif pada tahap 75%, iaitu item 4a, 4d, dan 4e. Ini bermakna bahawa sekurang-kurangnya 75% daripada peserta kursus berpuas hati dengan pengajaran dan bimbingan pensyarah mata pelajaran pengkhususan, penyeliaan dan bimbingan pensyarah dan guru pembimbing praktikum. Tetapi bagi aspek-aspek lain, kepuasan peserta tidak mencapai petanda aras yang ditetapkan pada tahap 75%. Jika taburan peratusan respons dibandingkan antara item, kepuasan tentang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah paling rendah, dan ini diikuti oleh kepuasan tentang kemudahan kolej kediaman, dan perkhidmatan hal ehwal pelajar.

Jadual 5. Taburan Peratusan Respons Mengikut Kategori Respons dan Nilai Chi-Square bagi Item-item Komponen IV (N = 108)

No. Item	Perkara	Res Negatif (%)	Res Positif (%)	χ^2_1 ($p=0.75$) N=108	χ^2_2 ($p1=p2$) KPLI=58 KDPM=50	χ^2_3 ($p1=p2$) Lelaki=28 Perem=80
4a	Pengajaran dan bimbingan pensyarah mata pelajaran pengkhususan	29.4	70.6	0.790	0.494	0.978
4b	Pengajaran dan bimbingan pensyarah mata pelajaran bukan pengkhususan	49.5	50.5	35.012***	0.735	1.053
4c	Pengajaran dan bimbingan pensyarah GERKO	33.9	66.1	4.651*	2.600	1.695
4d	Penyeliaan dan bimbingan pensyarah pembimbing praktikum	22.0	78.0	0.517	1.925	1.557
4e	Penyeliaan dan bimbingan guru pembimbing praktikum	20.2	79.8	1.349	0.189	4.330*
4f	Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling	80.7	19.3	180.578***	4.530*	0.051
4g	Perkhidmatan Hal Ehwal Pelatih	62.4	37.6	81.251***	4.246*	0.002
4h	Perkhidmatan Pejabat Am	56.0	44.0	55.734***	3.721	0.288
4i	Kemudahan kolej kediaman	67.9	32.1	106.939***	1.470	4.007*

χ^2_1 Nilai chi-square untuk ujian hipotesis peratusan respons positif = 0.75

χ^2_2 Nilai chi-square untuk ujian hipotesis tiada perbezaan peratusan antara peserta KPLI dan KDPM

χ^2_3 Nilai chi-square untuk ujian hipotesis tiada perbezaan peratusan antara peserta lelaki dan perempuan

* $0.01 \leq \text{Nilai- } p \leq 0.05$

** $0.001 \leq \text{Nilai- } p \leq 0.01$

*** Nilai - $p \leq 0.001$

Keputusan ujian chi square dua sampel menunjukkan terdapat perbezaan persepsi antara peserta KPLI dan KDPM dalam dua perkara, iaitu perkara dalam item 4f (perkhidmatan bimbingan dan kaunseling) dan 4g (perkhidmatan hal ehwal pelatih). Peratusan respons positif bagi peserta KPLI adalah kurang daripada peratusan respons positif bagi peserta KDPM untuk kedua-dua item ini.

Jantina hanya mempengaruhi persepsi tentang item 4e (penyeliaan dan bimbingan guru pembimbing praktikum) dan 4i (kemudahan kolej kediaman). Peratusan respons positif tentang penyeliaan dan bimbingan guru pembimbing praktikum adalah lebih tinggi untuk peserta lelaki tetapi bagi item 4i peratusan respons positif adalah lebih tinggi bagi peserta perempuan.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kebanyakan aspek latihan dipersepsikan berkesan, khususnya aspek-aspek dalam Komponen I (menyediakan pelatih dengan kebolehan, kemahiran, kemampuan dan sifat-sifat keguruan sebagai guru permulaan) dan II (latihan kemahiran pengajaran dan pembelajaran) tetapi kurang berkesan dalam komponen III (latihan aktiviti kokurikulum). Data juga menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, kepuasan pelatih terhadap latihan dan perkhidmatan sokongan juga kurang mencapai tahap yang puas, tetapi pada tahap sederhana sahaja. Walaupun demikian, keberkesanan kursus dan kepuasan pelanggan proses bagi kebanyakan aspek latihan masih belum mencapai kriteria kualiti atau petanda aras yang disarankan. Persepsi peserta juga konsisten dan tidak dipengaruhi oleh jenis kursus atau jantina mereka.

Secara amnya, kursus telah berkesan menyediakan mereka dengan kemampuan menunjukkan daya ketahanan diri dalam menghadapi pelbagai situasi, personaliti yang sesuai dengan profesion keguruan, sifat yang terbuka dalam melaksanakan tugas di sekolah, dan kebolehan melaksanakan penilaian sendiri untuk penambahbaikan mutu kerja. Kursus juga berkesan melatih mereka dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran pengkhususan mereka. Latihan telah berkesan menyediakan mereka dengan kemahiran mengajar mata pelajaran pengkhususan, khususnya dalam kemahiran merancang pengajaran harian, megguna pelbagai bahan sumber dan kaedah dalam pengajaran, menerapkan nilai murni serta mengamalkan kemahiran komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran.

Oleh demikian, peserta juga berpuas hati dengan pengajaran dan bimbingan pensyarah mata pelajaran pengkhususan, penyeliaan dan bimbingan pensyarah dan guru pembimbing praktikum. Jelas di sini bahawa aspek latihan yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran pengkhususan dipersepsikan berkesan. Dari segi mata pelajaran bukan pengkhususan, latihan yang diberi belum mencapai petanda aras yang disarankan.

Kursus dipersepsikan kurang mencapai tahap keberkesanan seperti dipetanda-araskan untuk lain-lain aspek professional. Aspek-aspek ini termasuk latihan untuk menyediakan mereka dengan kebolehan mencari ilmu untuk melaksanakan tugas di sekolah, kemampuan mengamalkan nilai-nilai murni dalam melaksanakan tugas harian di sekolah, kemampuan menunjukkan daya pemikiran secara kritis dan kreatif, serta sikap keberanian untuk mencuba sesuatu idea yang baru. Kemahiran-kemahiran dan sifat-sifat ini mungkin kurang ditekankan dalam kurikulum kursus.

Dari segi latihan dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran, terdapat juga kemahiran-kemahiran tertentu yang mereka rasa belum mencapai tahap keberkesanan yang disarankan. Mereka berpendapat kursus belum cukup berkesan menyediakan mereka dengan kemahiran mencerakinkan sukatan pelajaran, menyampaikan isi pelajaran mengikut kebolehan pelajar, mengesan prestasi pelajar, memotivasikan murid, mengalakkan kemahiran berfikir, mengamalkan unsur-unsur kesepaduan dalam p&p, mengawal disiplin serta mewujudkan unsur kecintaan dalam p&p. Kemahiran-kemahiran ini merupakan kemahiran-kemahiran yang lebih sukar dikuasai dan mungkin kurang ditekankan dalam kurikulum.

Aktiviti latihan kokurikulum dipersepsikan belum mencapai kriteria kualiti. Mereka mempersepsikan latihan tidak cukup berkesan melatih mereka dalam kemahiran melaksanakan kemahiran asas dalam aktiviti kokurikulum, melatih murid dalam satu acara kokurikulum, dan mengelolakan pertandingan kokurikulum. Dua aspek latihan kokurikulum dipersepsikan kurang berkesan dan perlu diberi perhatian ialah kemahiran merancang aktiviti kokurikulum bagi sepanjang tahun dan menjalankan tugas sebagai pengadil dalam aktiviti kokurikulum.

Dari segi perkhidmatan-perkhidmatan sokongan, peserta merasa kurang puas dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, perkhidmatan hal ehwal pelajar, perkhidmatan pejabat am dan kemudahan kolej kediaman. Yang paling ketara ialah kurang daripada 50% peserta memberi respons yang positif. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dipersepsikan sebagai perkara yang mereka paling kurang puas jika dibandingkan dengan semua aspek lain yang dikaji.

Penemuan dan rumusan yang telah dibincangkan perlu mengambilkira beberapa kekangan dan had kajian. Kajian ini telah menggunakan kaedah tinjauan dan adalah berdasarkan kepada persepsi peserta. Maka, interpretasi penemuan dan ketepatan rumusan adalah bergantung kepada kebolehpercayaan respons peserta dan kesilapan pengukuran.

CADANGAN-CADANGAN

Berdasarkan penemuan dan rumusan kajian, beberapa cadangan dapat dikemukakan untuk dibicarakan supaya dapat membantu merancang usaha ke arah peningkatan keberkesanan latihan. Cadangan-cadangan berikut merangkumi tiga aspek umum, iaitu aspek latihan profesional berkaitan dengan kemahiran p&p, aspek latihan kokurikulum, dan aspek perkhidmatan sokongan.

Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa latihan perlu memberi lebih banyak penekanan kepada aspek kemahiran belajar, kemahiran berfikir, kemahiran mencerakin sukatan, kemahiran membuat penilaian, kemahiran mengawal disiplin, memotivasikan pelajar, mewujudkan unsur kecintaan dan mengamal kesepaduan dalam p&p. Aktiviti untuk meningkatkan latihan dalam kemahiran-kemahiran ini perlu dipertingkatkan.

Kemahiran membuat penilaian, mengawal disiplin, memotivasikan murid, dan mewujudkan unsur kecintaan boleh dilatih secara teori di maktab dan boleh diperkukuhkan semasa praktikum supaya pelatih bukan sahaja dapat menghargai teori tetapi juga dapat memerhatikan "theory in action". Penyeliaan praktikum harus lebih berfokus dan berunsur klinikal dan "developmental". Strategi membimbing pelatih dalam kemahiran-kemahiran ini perlu diatur dan dilaksanakan secara berkesan untuk memastikan pelatih dapat memperkembangkan kemahiran-kemahiran ini.

Aktiviti latihan kokurikulum perlu disemak semula dan dikemaskinikan supaya lebih berkesan. Kurikulum kokurikulum KPLI dan KDPM perlu disemak semula untuk melihat kesesuaiannya dalam melatih pelatih supaya mereka dapat menjalankan aktiviti kokurikulum dengan berkesan. Semasa praktikum, penyeliaan dan bimbingan perlu juga memberi perhatian kepada aktiviti kokurikulum yang dikelolakan oleh pelatih dan bukan sahaja tertumpu kepada p&p dalam bilik darjah. Tindakan-tindakan ini mungkin dapat meningkatkan keberkesanan aktiviti latihan kokurikulum.

Dari segi aspek-aspek sokongan, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, perkhidmatan hal ehwal pelajar, dan perkhidmatan pejabat am perlu dikaji secara lebih terperinci untuk mengenal pasti perkara-perkara yang perlu diubahsuai atau dipertingkatkan usaha. Ketiga-tiga perkhidmatan ini perlu disiasat lebih lanjut untuk mengenal pasti bagaimana dan di mana penambahbaikan diperlukan.

Kajian yang seterusnya harus mengambil kira beberapa aspek latihan yang tidak disiasat dalam kajian ini. Aspek-aspek seperti latihan praktikum, latihan bina insan guru, latihan pengajaran mikro, latihan ICT, dan aktiviti-aktiviti lain boleh disiasat dalam kajian yang seterusnya. Pemerhatian satu sampel kecil boleh juga dijalankan untuk mengkaji keberkesanan latihan dari segi sejauh manakah pelatih dapat melaksanakan kemahiran-kemahiran dalam situasi sekolah. Data daripada kajian ini juga boleh dikaitkan dengan data yang akan dikumpul daripada pelanggan maktab (pihak sekolah) nanti. Perbandingan

antara persepsi pelatih sendiri dan penilaian pelanggan maktab ke atas mereka boleh memberi satu gambaran yang lebih tepat.

RUJUKAN

Bahagian Pendidikan Guru (2004). *Dokumen Kualiti MS ISO 9001:2000*. KL: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pendidikan Guru (2001). *Sukatan Pelajaran KDPM*. KL: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pendidikan Guru (2001). *Sukatan Pelajaran KPLI*. KL: Kementerian Pendidikan Malaysia.